



Pensyarah UMP menang Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI

Dua pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mengharumkan nama UMP dalam Cabaran Inovasi Inklusif MOSTI 2015 bagi kategori Institusi Pendidikan Tinggi sempena Majlis Konyensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Hari Inovasi Negeri Pahang yang berlangsung di Dewan Utama, Pahang Skills Development Center (PSDC) Kuantan pada 10 September 2015 yang lalu.

Pensyarah Fakulti Sistem Komputer & kejuruteraan Perisian (FSKPP), Dr. Mazlina Abdul Majid berjaya memenangi tempat kedua dengan inovasi penyelidikan beliau bertajuk iaitu *Malaysian Text Translator* (MYKod) iaitu Kod Tangan bahasa Melayu.

Menurut Dr. Mazlina, ia merupakan satu aplikasi multimedia dalam meningkatkan kemajuan pembelajaran khususnya kepada pelajar yang mengalami cacat pendengaran untuk subjek bahasa Isyarat yang

dilaksanakan di sekolah pendidikan khas.

Beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Ali (FKKSA), Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman pula menang tempat ketiga hasil penyelidikan inovasi beliau bertajuk 'Pengekstrak Mudah Alih'.

Penyelidikan ini dapat membantu golongan petani dan usahawan herba luar bandar dalam meningkatkan produktiviti ekstrak herba dengan pengekstrakan maksimum, mudah alih, singkat berbantuan *ultrasonic*, selamat, mesra alam dan mesra pengguna.

Beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

Dalam masa yang sama, produk inovasi UMP iaitu *e-Dashboard* yang merupakan Sistem Pengurusan Data Strategik bagi KPI turut meraih hadiah saguhati bagi Anugerah Inovasi kategori IPT. Hadir sama menerima hadiah adalah Timbalan Pengarah ICT, Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK), Wan Azlee Wan Abdullah.

Hadiah telah disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian Ismail. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Sri Dr. Noorul Ainul Mohd Nur.